

18/08/2003

PM serah pendirian isu dagang kepada WTO bulan depan

Mahfar Ali

EZULWINI (SWAZILAND): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Mozambique Joachim Chissano diberi kepercayaan mengemukakan pendirian tegas SAID-Global 2003 berhubung isu perdagangan global pada mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), di Cancun, Mexico, bulan depan.

Perdana Menteri berkata, ia memberi peluang kepada pergerakan itu menyampaikan pendirian dalam satu suara supaya hak negara membangun tidak diketepikan.

Bercakap pada sidang media sebelum berlepas ke Syria semalam, beliau berkata, isu perdagangan global bukan saja membabitkan banyak negara membangun, malah Eropah turut tidak senang dengan tindakan Amerika Syarikat menambah subsidi sektor pertanian.

Dr Mahathir juga menyifatkan SAID-Global 2003 sebagai yang terbesar dan paling ramai disertai ketua kerajaan dan negara sejak dimulakan pada 1995.

Beliau berkata, dialog kali ini juga lebih berjaya kerana memberi fokus terhadap isu Iraq dan WTO.

"Semuanya menyuarakan kebimbangan mengenai implikasi serangan terhadap Iraq kerana berasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak boleh lagi beri perlindungan. Mereka juga mahu memberi pandangan menjelang mesyuarat WTO.

"Ada yang memberi pandangan dengan keras kerana bimbang zaman kolonialisme akan kembali semula," katanya.

Dr Mahathir mengakui kebanyakan negara di Afrika yang kini terikat dengan Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) atau mengharapkan bantuan negara maju menyebabkan mereka mahu membuat pendirian bersama supaya lebih kuat.

SAID-Global 2003 yang dihadiri lebih 800 perwakilan dari 16 negara turut melantik Dr Mahathir dan Chissano yang juga Pengerusi Kesatuan Afrika sebagai wakil negara rakan dialog perkongsian pintar.

Dialog lima hari itu yang dirasmikan Raja Swaziland, Raja Mswati II, turut melantik Dr Mahathir sebagai Emeritus Felo Pengurusan Perkongsian Teknologi Komanwel (CPTM) bagi menghargai sumbangan dan persetujuan Perdana Menteri untuk terus terbabit secara aktif dalam dialog itu selepas persaraannya.

Kedudukan itu sama seperti bekas Presiden Botswana, Sir Ketumile Masire yang status penyertaannya dalam siri dialog perkongsian pintar menyamai ketua kerajaan.

Kenyataan Ezulwini yang dikeluarkan pada akhir dialog itu menyatakan semua negara sependapat dengan Malaysia bahawa tidak sepatutnya ada sebarang capaian pasaran untuk produk negara maju kecuali produk negara membangun diberi layanan yang sama.

Sebarang rundingan di WTO juga mesti dilaksanakan secara demokratik dan setiap isu baru tidak seharusnya dikemukakan sehingga agenda yang masih dirundingkan mencapai keputusan memuaskan.

Selain itu, mana-mana negara tidak boleh memperkenalkan serta melaksanakan halangan bukan tarif tanpa kelulusan rakan dagang. WTO juga didesak menggunakan pendekatan perkongsian pintar dalam semua rundingannya.

Ia turut menyuarakan kebimbangan berhubung ancaman terhadap pengurusan multilateral berikutan tindakan kuasa besar yang lebih suka bertindak secara unilateral dengan membelakangkan undang-undang dan konsensus antarabangsa.

Mengenai Perkongsian Pintar Rangkaian Berita (SNNI), Dr Mahathir

berkata, kemajuannya agak lambat kerana kebanyakan negara di Afrika tidak mempunyai kepakaran.

Pada majlis jamuan bertemakan Ke Arah Perdamaian Dunia malam kelmarin pula, Dr Mahathir dalam ucapan ringkas dan terakhirnya pada dialog itu mengundang semua perwakilan ke Dialog Antarabangsa Langkawi (LID)-Global 2004.